

## **ASN B ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN 6.25 SEN SEUNIT UNTUK ASD & 3.10 SEN SEUNIT UNTUK ASN EQUITY 2**

- PNB hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dua tabung unit amanah Amanah Saham Nasional Berhad (ASN B) iaitu dana harga tetap Amanah Saham Didik (ASD) dan dana harga berubah ASN Equity 2 bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018.
- Lebih 290,000 pemegang unit ASD akan menerima 6.25 sen seunit, dengan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM360.7 juta.
- Pemegang unit ASN Equity 2 pula yang kini berjumlah lebih daripada 29,000 akan menerima 3.10 sen seunit, dengan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM46.9 juta. Ini bersamaan dengan hasil dividen sebanyak 5.40%.
- Semua urusan niaga untuk ASD dan ASN Equity 2 telah ditangguhkan mulai 27 Jun 2018 sehingga 30 Jun 2018 untuk pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui portal ASN B [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my) atau di mana-mana cawangan atau ejen ASN B di seluruh negara mulai 1 Julai 2018.

**Kuala Lumpur, 28 Jun 2018:** Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan bagi dua tabung unit amanah Amanah Saham Nasional Berhad (ASN B) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018, iaitu dana harga tetap Amanah Saham Didik (ASD) dan dana harga berubah ASN Equity 2.

**Pengagihan pendapatan bagi pemegang unit ASD adalah 6.25 sen seunit, manakala pemegang unit ASN Equity 2 akan menerima 3.10 sen seunit.**

ASD akan membayar sebanyak RM360.7 juta sebagai pengagihan pendapatan kepada lebih 290,000 pemegang unit yang kini memegang 5.845 bilion unit. Dilancarkan pada tahun 2001, ASD ialah dana harga tetap yang menawarkan peluang pelaburan dengan pertumbuhan jangka panjang dan pulangan yang berpatutan kepada ibu bapa untuk membiayai perbelanjaan pendidikan masa depan anak-anak mereka. Setakat 31 Mei 2018, ASD merekodkan pendapatan bersih RM344.2 juta bagi 11 bulan pertama tahun kewangannya.

Pengagihan pendapatan untuk ASN Equity 2 pula melibatkan jumlah pembayaran sebanyak RM46.9 juta, yang akan memberi manfaat kepada lebih 29,000 pemegang unit yang memegang 1.512 bilion unit. Ini bersamaan dengan hasil dividen sebanyak 5.40%. Setakat 31 Mei 2018, ASN Equity 2 merekodkan pendapatan bersih ternyata sebanyak RM45.58 juta untuk 11 bulan pertama tahun kewangannya.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, "Disebalik keadaan pasaran yang mencabar di mana Bursa Malaysia menurun sebanyak 5.53% atau 97.6 mata dalam tempoh setahun yang lalu, kami gembira PNB mampu terus menghasilkan pulangan yang kompetitif sepanjang tahun kewangan bagi kedua-dua dana, ASD dan ASN Equity 2. Kami akan terus memberi tumpuan kepada kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik STRIVE-15 PNB 2017-2022 untuk terus menjana pulangan yang mampan bagi pemegang unit kami pada masa akan datang."

ASN Equity 2 adalah nama baharu bagi dana yang sebelum ini dikenali sebagai ASN 2, berikutan penjenamaan ASNB baru-baru ini pada 1 Mei 2018 bagi semua tabung unit amanah harga berubah di bawah pengurusannya. Penjenamaan semula ini adalah sebahagian daripada matlamat syarikat untuk membantu para pelabur memahami dengan lebih baik objektif setiap dana yang ditawarkan ASNB bagi membolehkan mereka membuat keputusan pelaburan yang lebih baik berdasarkan matlamat, tempoh dan toleransi risiko pelaburan masing-masing.

Penjenamaan semula ini melibatkan klasifikasi enam produk harga berubah ASNB kepada tiga kategori baharu iaitu Ekuiti (ASN, ASN Equity 2 & ASN Equity 3), Aset Campuran Imbang (ASN Imbang 1 & ASN Imbang 2) dan Aset Campuran Konservatif (ASN Sara 1). Tabung Ekuiti, yang mensasarkan pemegang unit lebih muda dengan tahap toleransi risiko yang lebih tinggi, mempunyai portfolio yang lebih berasaskan ekuiti. Sementara itu, tabung Imbang adalah sesuai untuk pemegang unit dengan tahap toleransi risiko sederhana, dengan portfolio pelaburan mereka berasaskan campuran kelas aset yang seimbang. Akhir sekali, tabung Konservatif adalah untuk pemegang unit yang menghampiri usia persaraan dengan tahap toleransi risiko yang lebih rendah di mana portfolio tabung bertujuan untuk mempunyai gabungan aset kelas konservatif.

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASD adalah berdasarkan purata baki minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan tabung tersebut, manakala pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASN Equity 2 adalah berdasarkan unit yang dipegang dan Nilai Aset Bersihnya setakat 30 Jun 2018. Pengagihan yang diisytiharkan oleh kedua-dua tabung akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Julai 2018.

Semua urusan niaga untuk ASD dan ASN Equity 2 telah ditangguhkan mulai 27 Jun 2018 hingga 30 Jun 2018 untuk pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui portal ASNB [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my) atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 Julai 2018.

Sementara itu, pelantikan Bank Muamalat Malaysia Berhad pada Januari 2018 dan Hong Leong Bank serta Hong Leong Islamic Bank pada April 2018 sebagai ejen ASNB telah meningkatkan bilangan ejen ASNB kepada 10 institusi dengan rangkaian 2,590 cawangan di seluruh negara, termasuk 30 cawangan ASNB.

*-Tamat-*

### **Mengenai PNB**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini mencapai RM280 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

### **Mengenai ASNB**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), adalah syarikat pengurusan unit amanah dan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). ASNB kini mempunyai sejumlah 12 Dana dengan Unit dalam Edaran berjumlah lebih 229 bilion unit serta 13.4 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

### **Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

1. *Aimi Aziz, Naib Presiden, Jabatan Komunikasi | [aimiaziz@pnb.com.my](mailto:aimiaziz@pnb.com.my) | 03-2050 5327*
2. *Suzana Ibrahim, Pengurus, Jabatan Komunikasi | [suzana@pnb.com.my](mailto:suzana@pnb.com.my) | 03-2050 5612*

### **NOTIS PENTING KEPADA PEMEGANG UNIT**

- Mulai 31 Mac 2018, penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan laporan interim bagi dana harga berubah akan dihantar melalui kaedah elektronik.
- Penyata pengagihan pendapatan dihantar ke alamat e-mel yang didaftarkan oleh pemegang unit, manakala laporan boleh didapati di laman web ASNB: [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).
- Pemegang unit dan penjaga yang berdaftar digalakkan untuk mengemaskini butiran mereka di semua Cawangan atau Ejen ASNB di seluruh negara. Mereka yang masih ingin menerima salinan bertulis secara fizikal boleh memaklumkan ASNB dengan mengisi borang yang berkenaan yang boleh di muat turun di laman web ASNB.
- Untuk maklumat lanjut, pemegang unit boleh merujuk kepada [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Talian Hotline ASNB di 03-2057 3000.